

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM - DAP]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO.40

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, jenis kerja dan kos yang terlibat. Adakah kontrak dianugerahkan secara tender terbuka. Jika tidak, nyatakan mengapa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala perolehan dan kontrak berkaitan adalah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dan dikawal selia oleh Jawatankuasa Kewangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Proses pemilihan dan lantikan kontraktor juga adalah teratur dan mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa.
2. Setiap pelantikan yang dibuat adalah berdasarkan proses perolehan kerajaan yang turut disemak dan dinilai juga oleh pelbagai pihak termasuk Kementerian Kewangan. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kesesuaian skop kerja, kos perbelanjaan, kredibiliti dan juga kerja-kerja serta rekod kerja terdahulu. Segala aspek berkenaan diambil kira dalam proses penilaian oleh pegawai yang dilantik bagi memastikan segala proses lantikan dipatuhi. Buat masa ini, segala kos yang terlibat sedang dimuktamadkan kerana kementerian ini sedang dalam proses pembayaran segala perolehan yang telah dibuat.

Sekian, terima kasih.